



Syarahan 100 Hari Pentadbiran Naib Canselor : "Keutuhan Kolaborasi Pemangkin Kecemerlangan Inovasi"

oleh Prof. Dato' Dr. Nor Aieni binti Mokhtar, Naib Canselor UMT

26 Ogos 2015

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam 1 UMT, Salam Sehati Sejiwa.

PEMBUKA BICARA

Didoakan agar semua warga kampus berada dalam keadaan sihat sejahtera dan diberkati Allah S.W.T. Sesungguhnya semoga kita semua berada dalam keberkatan-Nya.

Syukur Alhamdulillah kepada hadrat Allah S.W.T kerana limpah kurnia-Nya serta izin-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama dalam Dewan Sultan Mizan yang indah ini bagi Majlis Syarahan 100 Hari Pentadbiran Naib Canselor UMT.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana yang telah bertungkus lumus berusaha dengan penuh dedikasi bagi menjayakan program pada pagi ini. Terima kasih saya tujukan kepada warga kampus sekalian yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama hadir bagi menjayakan program ini.

SELAYANG PANDANG

Para Profesor & Ahli Akademik,

1. Pada pertemuan rasmi sewaktu **perhimpunan pertama saya** bersama saudara-saudari sekalian pada **6 Mei 2015**, saya telah menyatakan hasrat untuk memperkemas struktur tadbir urus atau governan UMT. Dengan izin Allah S.W.T, saya akan memperkasakan sistem penyampaian sedia ada melalui penjajaran konstruktif struktur organisasi untuk merangkaikan fungsi dan peranan hakiki, serta memupuk semangat kerja berpasukan yang jitu antara pengurusan tertinggi dengan seluruh warga UMT.

2. Saya memberi penghargaan yang tinggi terhadap perancangan sedia ada dan kita akan bersama-sama melaksanakannya melalui pengupayaan dalaman dan penggunaan sumber secara optima disamping mengurangkan kos serta memupuk kerjasama erat dengan pihak berkepentingan serta kolaborasi di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa. Perancangan ini akan dilaksanakan secara inklusif dan berinovasi melalui peningkatan produktiviti bagi meningkatkan *efficiency* (kecekapan), *excellence* (kecemerlangan) dan *endowment* atau dengan ringkasnya 3E yang saya telah jelaskan pada pertemuan terdahulu.

PENDAHULUAN (ASPIRASI BAHARU)

Hadirin sekalian,

3. Setelah 136 hari selaku Naib Canselor UMT, saya ingin menegaskan aspirasi untuk meneruskan agenda **Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2013-2017**, yang merupakan sebuah perancangan penuh berwawasan, disediakan secara kolektif oleh semua pihak berkepentingan, demi untuk melonjak UMT menjadi sebuah universiti secara harmoni, komprehensif dan berfokus maritim yang terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global. Bagi memastikan pelan ini sentiasa dinamik, relevan, dan direalisasikan, kita akan menjajarkannya bertepatan dengan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pengajian Tinggi (PPPM-PT) 2015-2025** yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada awal tahun ini. Penjajaran ini akan menjadikan perancangan UMT lebih mantap dan selari dengan kehendak kementerian. Saya menyeru supaya segala program yang telah dirancang di bawah PSUMT 2013-2017 ini dilaksanakan dengan fikiran terbuka dan sepenuh hati.

4. Selain meneruskan agenda sedia ada, saya ingin memberi penekanan kepada dua agenda utama yang dapat merealisasikan hasrat kita untuk menerobos dan mengangkasakan *Soaring Upwards* (meningkatkan pendidikan tinggi secara berterusan) UMT. Agenda pertama ialah dengan memperkenalkan **konsep 2C (Cooperation dan Collaboration)** yang merujuk kepada konsep kerjasama dan kolaborasi dengan pelbagai pihak berkepentingan. Konsep **kerjasama** merujuk kepada kesepakatan di antara seluruh warga UMT yang berkongsi falsafah, visi, misi dan nilai teras yang sama dalam merealisasikan matlamat UMT. Manakala konsep **kolaborasi** merujuk kepada hubungan di antara entiti yang mempunyai kepakaran dan disiplin ilmu yang berbeza, namun mempunyai matlamat yang sama untuk dicapai. Sebagai contoh, UMT akan berkolaborasi antara pusat pengajian dan institut serta dengan universiti lain di dalam dan luar negara yang mempunyai bidang tujuhan berbeza untuk pembangunan negeri dan masyarakat setempat. Agenda kedua pula adalah untuk memastikan supaya program kelestarian melalui penajaan pendapatan akan terus diperkasa dan dilaksanakan dengan lebih agresif dan berinovasi, agar hasilnya nanti dapat membantu melicinkan segala perancangan UMT.

5. Seterusnya, melalui syarahan ini, saya akan memberi penekanan kepada pelaksanaan program-program bagi memantapkan governan, mengukuhkan pembangunan bakat, inovasi pengajaran dan pembelajaran, autonomi dan kelestarian kewangan, pembangunan pelajar dan pemantapan citra yang berkesan.

MEMPERKASA STRUKTUR GOVERNANS

Saudara-saudari yang dikasihi,

6. Saya sedar bahawa UMT telah mengharungi banyak perubahan dalam konteks struktur organisasi sistem sokongan pengurusan melalui pelaksanaan **Transformasi Governan**.

7. Hari ini, saya akan menyatakan beberapa inisiatif untuk membina kerjasama berpasukan dalam usaha mengembalikan suasana kesepakatan dan budaya kerja berinovasi dalam pelbagai disiplin serta memantapkan struktur organisasi dan sistem sokongan universiti. Perubahan ini bertujuan untuk memperkemaskan sistem governan sedia ada, mengisi lompong pentadbiran dan operasi, mewujudkan komunikasi dan perkongsian maklumat yang terselaras, antara semua pusat tanggungjawab di UMT serta mandat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk membuat keputusan berkaitan governan / tadbir urus, sesuai dengan status universiti berautonomi.

Canselori

Hadirin sekalian,

8. Pusat Tanggungjawab (PTj) Canselori akan menerajui enam komponen utama iaitu Pejabat Naib Canselor, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Undang-Undang, Penerbit UMT, Pusat Islam dan Pusat Antarabangsa.

9. Keunggulan global adalah antara lonjakan baharu yang telah dikenalpasti dalam PPPM (PT) 2015-2025 untuk memperkukuhkan daya saing pendidikan tinggi negara. Melalui pendekatan ini kerajaan berhasrat, menjadikan Malaysia hab pendidikan global yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Di UMT, kita akan melaksanakan hasrat ini dengan membentuk semula **Pusat Antarabangsa** di bawah naungan Canselori yang berfungsi sebagai pusat sehenti yang menguruskan hal ehwal antarabangsa di UMT merangkumi urusan staf, pelajar dan jaringan antarabangsa.

Warga UMT yang dihormati,

10. Falsafah UMT; *Ilmu dan amal yang berpadu, berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti, menyediakan modal insan berwibawa untuk kesejahteraan sejagat* perlu diterapkan dalam rutin kehidupan, pengajaran dan pembelajaran pelbagai bidang ilmu di Kampus UMT. Bagi memastikan falsafah ini berkembang, **Pusat Islam UMT** perlu merangka penganjuran pelbagai program keilmuan kerohanian, sejarah ketamadunan Islam, Wasatiyyah, sosio ekonomi juga sains yang menyokong kepada pengukuhan bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik. Pusat Islam bertanggungjawab untuk melahirkan Ulul Albab dan meningkatkan sumber pendapatan melalui endowmen wakaf. Dengan perkembangan ini, Pusat Islam UMT akan diletakkan di bawah naungan Canselori. Beberapa orang felo daripada kalangan pensyarah dan staf sokongan dilantik untuk membantu memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti Pusat Islam bagi warga UMT dan masyarakat setempat.

11. Berpandukan kepada prinsip kepentingan bersama, fungsi dan peranan setiap **Timbalan Naib Canselor** akan diperkasakan supaya lebih berupaya dalam melaksanakan portfolio masing-masing. Setiap TNC akan mempunyai sistem sokongan pengurusan untuk menjayakan urusan teras universiti dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, saya mengharapkan kerjasama daripada semua pusat tanggungjawab yang berkaitan dalam merealisasikan hasrat ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. TNC (Akademik dan Antarabangsa) akan terus memainkan peranan utama di dalam memastikan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran yang menjadi salah satu urusan teras UMT. Di samping mengawal selia semua lapan (8) pusat pengajian serta Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL) yang diketuai Dekan-Dekan, TNC (Akademik dan Antarabangsa) akan turut menerajui beberapa pusat baharu yang akan diwujudkan atau dijenamakan semula selaras dengan perluasan fungsi masing-masing.

13. Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) telah memainkan peranan penting dalam merancang dan membangun program pengajian baharu

serta menambahbaik program sedia ada. Selari dengan hasrat untuk melonjakkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, PPPA akan dijenamakan semula sebagai **Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPKA)** yang akan turut memberi perhatian kepada urusan e-pembelajaran di UMT.

14. Pusat Pengurusan Bakat Akademik (PPBA) akan diperkasa, diperluaskan fungsinya dan dijenamakan sebagai **Pusat Bakat dan Inovasi Akademik (PBIA)**. PBIA akan menambah nilai fungsi sedia ada iaitu mengurus pembangunan dan pemerkasaan kerjaya bakat akademik. Melalui struktur baharu ini PBIA akan turut berperanan untuk merancang dan menyediakan latihan yang kreatif dan bersesuaian kepada Bakat Akademik.

Hadirin yang dikasihi,

15. Pengurusan hal ehwal pelajar siswazah perlu dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berpadu. Oleh itu, UMT akan mewujudkan semula **Pusat Pengajian Siswazah (PPS)** khusus untuk menyelaras segala urusan pelajar siswazah dengan pusat pengajian dan institut bagi urusan polisi dan pelaksanaan urusan polisi dan pelaksanaan. Di samping itu, Pusat Pengajian Siswazah juga akan menyokong lebih banyak pembangunan program baru bagi pengajian siswazah di masa akan datang.

16. Pada awal tahun 2015, UMT telah mengumumkan penubuhan **Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris** atau **English Learning Center (ELC)** untuk memperkasakan kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan pelajar UMT. Selain menawarkan kursus Bahasa Inggeris kepada pelajar UMT, ELC akan memainkan peranan lebih besar dengan menjadi hab meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris kepada pelajar, staf dan seluruh masyarakat Pantai Timur. Kita akan mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak seperti AKEPT dan British Council dari segi penasihat dan kepakaran tenaga pengajar.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Saudara-saudari sekalian,

17. Pengukuhan penyelidikan dan inovasi bertunjangkan ilmu kelautan dan sumber akuatik menjadi tanggungjawab utama TNC (Penyelidikan dan Inovasi). Empat institut penyelidikan iaitu Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP), Institut Bioteknologi Marin (IBM) dan Institut Penyelidikan Kenyir (IPK) serta makmal berpusat akan terus diterajui dan dipantau oleh TNC (Penyelidikan dan Inovasi).

18. Sebagai sebuah pusat sokongan yang menguruskan hal-ehwal penyelidikan di UMT, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) akan diperluaskan fungsinya dengan mengambil alih peranan memperkasa inovasi penyelidikan dan pengkomersilan yang sebelum ini berada di bawah Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri. Oleh itu, RMC kini akan dikenali sebagai **Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)**.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Hadirin sekalian,

19. TNC (HEPA) menggalas tanggungjawab yang besar dalam pembangunan holistik pelajar. Bagi mengupayakan peranan ini, portfolio TNC HEPA akan mengalami penstrukturan semula agar lebih berupaya untuk menguruskan cabaran dan harapan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Selain dari Kolej Siswa, beberapa pusat sedia ada akan dijenamakan semula di samping mewujudkan semula beberapa pusat baharu untuk perkhidmatan universiti kepada pelajar.

20. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) yang sedia ada akan dikenali sebagai **Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar (PPHKP)**. Di samping berperanan untuk meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar, PPHKP juga akan mengambil peranan khidmat kaunseling yang sebelum ini disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti.

21. Pusat Pembangunan Alumni dan Keusahawanan (CADE) pula akan dikenali sebagai **Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC)**. CEC akan menumpukan perhatian kepada menggilap dan melahirkan usahawan di kalangan pelajar, meningkatkan kebolehpasaran graduan serta merancang program-program pembangunan kerjaya sebagai sokongan untuk para pelajar bersedia menempuhi alam pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Bagi menyokong aktiviti pembangunan pelajar agar lebih mantap, **Pusat Sukan dan Rekreasi** dan **Pusat Kebudayaan dan Kesenian** akan kembali bernaung di bawah TNC (HEPA). Walaupun berada di bawah portfolio hal ehwal pelajar, kedua-dua pusat ini juga perlu menawarkan khidmat mereka kepada seluruh staf UMT.

23. **Bahagian Pentadbiran dan Alumni (BPA)** akan diwujudkan khusus untuk membantu TNC (HEPA) menyelaraskan operasi berkaitan aktiviti dan keperluan kewangan untuk pembangunan pelajar. Selain itu, BPA juga akan memberi tumpuan khusus dalam membina dan memperkasa jaringan alumni di samping membantu meningkatkan pendapatan UMT melalui endowment alumni.

24. Melalui pelaksanaan struktur baharu ini, saya menaruh harapan yang tinggi kepada kepimpinan yang diterajui oleh TNC (HEPA) untuk segera melancarkan dan melaksanakan **Program Transformasi Pelajar** yang telah disediakan sebelum ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

Hadirin yang dihormati,

25. Saya berhasrat untuk melonjakkan jenama dan citra UMT pada satu tahap yang lebih cemerlang khususnya dalam mempromosikan bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik sebagai tujuhan UMT. Untuk menjayakan hasrat ini, jawatan pentadbiran baharu iaitu **Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)** akan diwujudkan. PNC akan bertanggungjawab kepada pelaksanaan Pelan Strategik UMT yang dipacu seiring dengan PPPM (PT) 2015-2025, meningkatkan kerjasama dan kolaborasi dengan pihak luar serta merencana

strategi baharu untuk melonjak citra UMT. Pusat tanggungjawab yang akan bernaung di bawah PNC adalah Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR), Pusat Komunikasi Korporat (PKK) dan Pusat Komunikasi Strategik (PKS), Putrajaya.

26. Pengurusan dan pelaporan data yang bersepadu, konsisten dan sistematik amat penting terutama untuk mempamerkan pencapaian sesebuah universiti. Oleh itu, UMT akan mewujudkan **Bahagian e-Data** di bawah Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) bagi memastikan integrasi data dan pengurusan maklumat universiti yang mantap.

27. Pengurusan dan pelaporan maklumat dan data yang mantap memerlukan kerjasama dan sokongan berbentuk infostruktur dan teknikal. Bagi merealisasikan hasrat ini, **Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM)** kini akan bernaung di bawah teraju PNC. Di samping menyediakan kemudahan teknologi maklumat kepada UMT, PPTM juga akan membantu Bahagian e-Data dalam memantapkan pengurusan data UMT.

28. Bagi menyokong peranan PNC terutama dalam memperkasa jaringan industri, maka **Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PPIJI)** kini akan ditempatkan di bawah portfolio PNC. Melalui struktur baharu ini, PPIJI akan menjalankan peranan sebagai **Pusat Transformasi Universiti Komuniti (UCTC)** yang menawarkan khidmat kepada masyarakat melalui program pemindahan ilmu dan inovasi sosial. Di samping itu, PPIJI juga berperanan untuk meluaskan jaringan universiti-industri dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain.

Pejabat Pendaftar

Warga UMT yang dikasihi,

29. Pejabat Pendaftar merupakan tonggak yang menyokong operasi UMT melalui pengurusan dan pentadbiran sumber manusia, governans, pengurusan akademik serta khidmat sokongan lain. Pelaksanaan fungsi di Pejabat Pendaftar disokong oleh beberapa bahagian iaitu Bahagian Governans dan Pentadbiran, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pengurusan Akademik, Bahagian Keselamatan, Bahagian Pengurusan Kenderaan serta Bahagian Data dan Rekod.

30. UMT melalui Pejabat Pendaftar akan memberi perhatian khusus kepada agenda memperkasa bakat sokongan akademik. Sejalan dengan hasrat ini, **Pusat Pembangunan Bakat Profesional (PPBP)** akan diwujudkan di bawah Pejabat Pendaftar. PPBP berperanan untuk merancang dan menyediakan latihan kepada bakat profesional dan sokongan secara lebih sistematik, terancang dan memenuhi keperluan semasa.

31. Perkhidmatan kesihatan merupakan keperluan asas yang berhak dinikmati oleh semua pelajar dan staf UMT. Selari dengan perluasan fungsi ini maka Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) akan dijenamakan semula sebagai **Pusat Kesihatan Universiti (PKU)** dan ditempatkan di bawah Pejabat Pendaftar.

Pejabat Bendahari

Hadirin sekalian,

32. Salah satu cabang autonomi yang telah diberikan kepada UMT ialah dari aspek pengurusan kewangan dan penjana pendapatan. Bagi melaksanakan autonomi ini, Pejabat Bendahari perlu diperkasakan dengan mewujudkan **Bahagian Penjana Pendapatan dan Endowmen** khusus untuk merancang strategi menjana pendapatan dan endowmen di UMT.

33. Selain itu, Pejabat Bendahari akan turut distrukturkan semula kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian Dasar dan Pengurusan Dana, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Bahagian Perakaunan dan Aset.

Pusat Pembangunan dan Harta

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

34. **Pusat Pembangunan dan Harta (PPH)** bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan pembangunan fizikal serta mengurus dan menyelenggara harta universiti. PPH yang diketuai oleh Pengarah Pembangunan dan Harta akan melaksanakan fungsi-fungsi ini melalui dua bahagian utama iaitu Bahagian Perancangan dan Pembangunan serta Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan.

35. PPH sebagai salah sebuah PTj sokongan perkhidmatan kepada UMT perlu meningkatkan kecekapan dan bergerak secara efektif dan proaktif. Selain daripada merancang, membangun dan menyediakan fasiliti, PPH melalui tenaga dan kepakaran sedia ada perlu memperkasakan khidmat penyelenggaraan di UMT agar tidak terlalu bergantung kepada kontraktor luar.

36. Selain daripada pembangunan di kampus utama, PPH juga perlu lebih agresif dalam merancang pembangunan di kampus kedua UMT yang terletak di Bukit Kor, Marang, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Pembangunan kampus kedua ini merupakan agenda yang penting bagi menampung kepadatan di kampus sedia ada, justeru saya menjadikan hasrat ini sebagai salah satu KPI yang harus dicapai oleh PPH.

37. UMT sedang bergerak ke arah pembangunan kampus lestari demi untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kesejahteraan warganya. **Blueprint Kampus Lestari UMT** yang akan dilancarkan tidak lama lagi telah menggariskan beberapa inisiatif yang perlu dilaksanakan dan PPH perlu memastikan supaya pelan pembangunan lestari ini bergerak seperti yang dirancang.

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)

Saudara-saudari,

38. **Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)** pula akan diterajui oleh Ketua Pustakawan dengan empat bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu, Bahagian Pengurusan Repositori dan Arkib, Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat serta Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi.

39. PSNZ telah melangkah ke hadapan selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa dengan menyediakan sumber rujukan secara digital. Walau bagaimanapun, kita perlu terus menyediakan kemudahan kepada mereka yang mungkin lebih selesa melakukan rujukan dengan menggunakan buku-buku biasa berbanding secara digital. Oleh itu, PSNZ akan menyediakan bahan rujukan secara hibrid dengan meneruskan usaha untuk mendigitalkan bahan rujukan di samping mengekalkan sumber rujukan biasa.

PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN BAKAT

Warga UMT yang dikasihi,

40. Inovasi governan memerlukan kita melihat kembali aset terpenting universiti iaitu sumber manusia. Justeru, pengurusan bakat merupakan pendekatan pengurusan modal insan yang strategik dalam kitaran kerjaya seseorang individu di mana segala potensi yang ada dibangunkan, diasuh, dilatih, digilap serta dibimbing supaya mereka menjadi modal insan berkualiti, dinamik dan mampu menghadapi cabaran. Bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia sedia ada serta kekangan kewangan semasa, UMT melalui kerjasama Pejabat Pendaftar dan Pusat Bakat dan Inovasi Akademik (PBIA) akan menyediakan satu **Blueprint Bakat UMT** merangkumi kedua-dua kumpulan bakat akademik dan sokongan akademik. Pelan tindakan yang dirangkakan dalam blueprint ini ialah audit perjawatan dan staf dari semasa ke semasa, budaya gunasama staf, pelan penggantian dan pelan latihan yang sesuai dan sistematik.

41. Keupayaan dan kepakaran ahli akademik merupakan salah satu komponen bakat yang amat penting di universiti. Setiap ahli akademik perlu mengasah memperkasa bidang kepakaran masing-masing bagi menyerlahkan kecemerlangan dan keserjanaan di peringkat negara, serantau dan seterusnya ke peringkat global. Untuk tujuan itu, ahli akademik disarankan untuk membina **Pelan Pembangunan Kerjaya Individu** bagi merancang laluan kerjaya masing-masing. Perancangan yang kemas akan berupaya meningkatkan kualiti bakat akademik dalam memastikan bidang tujahan UMT dapat dikekal dan dikembangkan untuk menyokong kelestarian program akademik dan penyelidikan.

42. Dalam membangun latihan kerjaya untuk ahli akademik dan memperkasakan bakat akademik, kita perlu menyediakan ekosistem kepimpinan pengurusan akademik yang lestari. Bagi tujuan ini, UMT akan menumpukan perhatian kepada program **Kepimpinan Pengurusan Akademik** dengan mewujudkan perancangan pelan pelapis pengurus akademik yang sistematik. Melalui pelan ini, potensi setiap bakat akademik yang dinamik ini akan dapat diurus secara terarah bagi melonjakkan kemampuan mereka menjadi seorang pemimpin pengurusan akademik yang baik.

Saudara-saudari sekalian,

43. UMT telah memperkenalkan enam peranan utama khusus untuk mengukur prestasi memperkasa bakat akademik iaitu Pengajaran, Penyelidikan, Penyeliaan, Penerbitan, Pemindahan ilmu dan Kepimpinan akademik atau secara ringkasnya **5P1K**. Manakala bakat sokongan akademik pula perlu memberi perhatian kepada lima konsep utama iaitu Kecemerlangan, Kecekapan, Keberkesanan, Keterlibatan dan Pemerksaan atau secara ringkasnya **4K1P**.

44. Melalui peranan yang dimainkan oleh PBI dan Pejabat Pendaftar, pembangunan serta permerkasaan sumber manusia atau bakat dapat dilaksanakan secara holistik dan terarah serta menjamin kelestarian bakat yang cemerlang dan berwibawa. Justeru, pihak pengurusan UMT akan memberi penekanan yang jitu kepada Blueprint Bakat UMT agar pemantauan kecemerlangan bakat dapat dicapai sejajar dengan hasrat dan matlamat universiti.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Hadirin yang dihormati,

45. **Transformasi akademik** telah dilaksanakan melalui penyusunan semula program pengajian mengikut bidang fokus di bawah lapan (8) pusat pengajian dan sebuah pusat pendidikan yang berfungsi menyokong pembangunan ilmu kelautan dan sumber akuatik. Penempatan ahli akademik juga telah disusun semula berdasarkan kepada keserjanaan dan disiplin ilmu, keperluan program pengajian sedia ada serta perancangan program pembangunan baharu. Transformasi akademik telah menyaksikan beberapa impak positif kepada ekosistem pengajaran dan pembelajaran di UMT. Kini, kita boleh berbangga apabila berjaya mendapat penarafan SETARA 5 bintang pada tahun 2014 yang membuktikan bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran UMT berada pada tahap gemilang. Selain itu, berdasarkan QS Asian University Ranking, UMT berada pada kedudukan di tangga 250-300 di Asia, namun begitu, kedudukan kita dalam kalangan universiti awam tempatan telah meningkat.

46. Kita akan terus memperkasa peranan asas universiti melalui pengukuhan program-program pengajian sedia ada dan penawaran program-program baharu termasuk program mobiliti yang memenuhi bidang tujuhan serta menepati keperluan pembangunan modal insan semasa dan masa hadapan. Bagi menyokong hasrat ini, saya menyeru supaya aktiviti promosi yang lebih agresif dan berkesan dapat dijalankan dengan menonjolkan bidang ilmu kelautan, teknologi pengurusan maritim, perikanan, akuakultur, sains marin dan sumber akuatik setanding dengan bidang profesional lain. Selain itu, bagi memastikan program pengajian UMT yang ditawarkan seperti ekonomi, perakaunan dan sains asas, kaunseling terus berdaya saing, UMT perlu meningkatkan bilangan program pengajian dalam bidang tujuhan yang diiktiraf oleh badan-badan ikhtisas dan profesional seperti Institut Kejuruteraan, CILT dan lain-lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

47. Kementerian Pendidikan Tinggi, telah memilih lima (5) buah universiti awam termasuk UMT sebagai universiti perintis dalam pelaksanaan **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Bersepadu atau lebih dikenali sebagai iCGPA**. iCGPA merupakan penilaian secara holistik yang mengambilkira komponen akademik, kemahiran insaniah pelajar seperti komunikasi, kemahiran keusahawanan, kepimpinan, kemahiran berfikir kerja berpasukan dan sebagainya. Seiring dengan hasrat tersebut, semua program pengajian di UMT akan dinilai berdasarkan iCGPA bermula pada semester I, bulan September, 2015/2016. Manakal program **Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim** pula telah dipilih sebagai program perintis untuk diaudit pada tahun hadapan. Sehubungan itu, saya menyeru kepada seluruh warga khususnya staf akademik agar bersiap sedia untuk pelaksanaan iCGPA melalui amalan penajajaran konstruktif bermula semester akan datang.

48. Dalam usaha memperkasa program pengajian, UMT akan menggiatkan usaha untuk menawarkan **program pengajian bersifat antarabangsa**. Oleh itu, saya akan memastikan supaya setiap pusat-pusat pengajian menawarkan sekurang-kurangnya satu program antarabangsa menjelang hujung tahun 2016, sebagai tambahan kepada dua program sedia ada.

Hadirin sekalian,

49. Ledakan ICT dan globalisasi memerlukan universiti melaksanakan inovasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian untuk generasi masa depan. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui lonjakan ke-9, PPPM (PT) 2015-2025 telah memperkenalkan kaedah pembelajaran atas talian berdasarkan konsep **Massive Open Online Course (MOOC)**. Bagi menyokong lonjakan ini, UMT akan memainkan peranan aktif dengan menjadi peneraju kepada pelaksanaan MOOC dalam program pengajian berkaitan ilmu kelautan dan sumber akuatik. Oleh itu, Saya menaruh harapan besar supaya sekurang-kurangnya 50% program pengajian berkaitan bidang tujuhan UMT dapat dilaksanakan secara MOOC pada tahun 2016.

50. UMT akan menggiatkan kolaborasi dan kerjasama dengan universiti awam dan swasta dalam penawaran kursus secara atas talian melalui MOOC dengan tumpuan kepada kursus berbentuk kelestarian dan pemuliharaan alam dan ekosistem marin. Kursus-kursus ini akan ditawarkan sebagai kursus elektif kepada program akademik UMT selain akan ditawarkan secara global. Sehubungan itu, UMT telah mengorak langkah dengan mengadakan kerjasama dengan Taylor's University untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran khususnya melalui MOOC. Selain itu, UMT juga akan berusaha untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak swasta dan ikon-ikon tersohor untuk membangun dan mempromosikan kursus MOOC ini. Kita berharap agar penawaran kursus-kursus secara MOOC ini akan membantu mempopularkan UMT sebagai sebuah universiti pilihan di samping menjadi salah satu sumber penajaan pendapatan. Bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar, maka inisiatif ini akan diterajui oleh TNC (Akademik dan Antarabangsa).

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Saudara-saudari yang dihormati,

51. Transformasi penyelidikan dan inovasi yang telah dilaksanakan di UMT telah berjaya menjadikan aktiviti penyelidikan di UMT sama ada secara individu atau berkumpulan lebih terfokus kepada bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik. Budaya penyelidikan berpasukan telah digerakkan melalui SIG manakala penyelidikan multidisiplin dipacu dengan pembentukan enam kluster penyelidikan yang menyokong dua projek flagship universiti. UMT telah melantik enam orang Profesor sebagai Malim untuk mengemudikan enam kluster ini di samping berperanan sebagai mentor kepada para penyelidik muda UMT. Saya ingin menegaskan agar Malim-malim ini dapat memainkan peranan lebih aktif untuk menyerlahkan pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi di UMT.

52. Secara umumnya pencapaian penyelidikan UMT adalah sangat baik berbanding dengan usia universiti. Sebagai contoh, **UMT semakin menonjol dalam penerbitan artikel jurnal dengan mencapai nisbah 1:1 berbanding jumlah pensyarah, lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh KPT**. Sumbangan dari hasil penyelidikan perlu diperluas untuk memenuhi peranan kita sebagai sebuah universiti awam dan tuntutan pembangunan negara khususnya di

negeri Terengganu. Penemuan baharu dari penyelidikan perlu diterjemahkan kepada penerbitan ilmiah dalam jurnal berimpak tinggi, monograf dan buku sebagai ukuran keserjanaan. Penyelidikan gunaan pula boleh diterjemahkan kepada penghasilan ciptaan baharu sebagai sumbangan kepada inovasi teknologi dan inovasi sosial dalam bentuk pernyataan dasar, aliran pemikiran baharu atau sistem nilai yang produktif yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk meningkatkan keupayaan bersaing dan berfaedah kepada sosio ekonomi.

Hadirin sekalian,

53. Mulai tahun ini, UMT akan memperluaskan sumbangan ilmu pengetahuan dan teknologi baharu hasil penyelidikan melalui aktiviti berbentuk pemindahan ilmu dan **inovasi sosial**. Projek inovasi sosial telah diperluaskan skopnya bukan sahaja berbentuk pemindahan ilmu, malah merangkumi aktiviti yang dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sebagai contoh, UMT sedang melaksanakan projek Pemuliharaan Ekosistem Setiu yang memberi faedah kepada komuniti setempat; projek Ternakan Kelulut untuk mendapatkan madu yang disertai oleh ibu-ibu tunggal di sekitar Jabi; projek Transformasi Minda Psikospiritual Remaja Pesisir untuk remaja bermasalah di sekitar Seberang Takir dan beberapa lagi projek yang telah diluluskan.

54. Kita juga telah mendapat mandat Lembaga Pengarah Universiti untuk memelopori penubuhan **Terengganu Innovation Valley** bersama beberapa institusi pengajian tinggi di negeri Terengganu dengan matlamat untuk menyokong agenda pembangunan kerajaan negeri Terengganu. Pengisytiharan daerah Kuala Nerus sebagai sebuah daerah baharu memberi peluang kepada UMT dengan kolaborasi bersama universiti lain serta pihak industri untuk memindahkan ilmu, teknologi dan kepakaran ke arah pembangunan yang lebih berinovasi. Inisiatif ini juga menyokong agenda Transformasi Terengganu Baharu dan menjadi pelengkap kepada usaha membangun dan memajukan Taman Ilmu di negeri Terengganu. Saya menyerahkan tanggungjawab ini kepada TNC (Penyelidikan dan Inovasi) agar dapat merealisasikan idea dan konsep pelaksanaannya dalam masa terdekat. Saya juga mengharapkan lebih ramai ahli akademik UMT mengambil bahagian aktif dalam **penasihatatan dasar** dan menyumbang kepakaran teknikal kepada pihak kerajaan negeri seperti penganjuran Seminar Hakisan Pantai dan Banjir Kuala Nerus yang telah dilaksanakan oleh kumpulan penyelidikan Penyelesaian Risiko Bencana Pesisir baru-baru ini.

55. Sebagai ilmuwan dan dihormati, ahli akademik bebas mengemukakan pandangan bersandarkan fakta dalam apa jua isu berkaitan bidang kepakaran masing-masing, apatah lagi dalam hal yang melibatkan kepentingan dan kesejahteraan hidup masyarakat. Peluang mengemukakan pandangan, cadangan pernyataan dasar dan pemikiran serta nilai baharu yang produktif juga terbuka luas melalui pelbagai saluran rasmi seperti Majlis Profesor, Persatuan Ikhtisas atau melalui program yang dibuat secara terancang.

Hadirin yang dihormati,

56. Penglibatan UMT dalam **pertandingan dan pameran penyelidikan** juga membuahkan hasil yang baik. Sejak tahun 2014 sehingga pertengahan tahun ini, kita telah berjaya menggondol sejumlah sembilan pingat emas, 13 pingat perak dan tiga pingat gangsa. Saya berpandangan bahawa kita perlu meneruskan penyertaan seperti ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk mengetengahkan hasil penyelidikan UMT, terutama yang berkaitan dengan bidang tujahan universiti. Strategi ini mampu meningkatkan citra ilmu kelautan dan sumber akuatik UMT agar

lebih dikenali di peringkat global. Kriteria pemilihan dan penyertaan perlu dikaji semula untuk memastikan penyertaan dalam program sebegini juga memberi impak positif kepada UMT.

KELESTARIAN KEWANGAN

Saudara-saudari yang dihormati,

57. UMT telah merangka **Transformasi Kelestarian Kewangan** pada tahun 2014 dan ia telah menjadi salah satu agenda Kementerian Pendidikan Tinggi yang terkandung di dalam Lonjakan ke-5, PPPM (PT) 2015-2025. Ini membuktikan bahawa UMT telah memainkan peranan proaktif di dalam memastikan kelangsungan sumber kewangannya dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan.

58. Transformasi Kelestarian Kewangan ini dilaksanakan melalui beberapa strategi iaitu pemerkasaan endowmen, penjanaan pendapatan yang lebih agresif, penjimatan sumber dan pelaksanaan autonomi kewangan kepada pusat pengajian dan institut penyelidikan yang telah memenuhi syarat tertentu. Melalui strategi ini kita telah menetapkan sasaran 15 peratus atau sekurang-kurangnya RM50 juta dapat dijana melalui sumber dalaman dan endowmen pada tahun 2020, seterusnya 30 peratus atau RM150 juta menjelang tahun 2030.

Warga UMT sekalian,

59. **Strategi penjanaan pendapatan** melalui endowmen atau sumbangan menjadi antara agenda utama UMT. Melalui slogan "**Kami Sayang, Kami Cakna UMT**", kita berhasrat untuk melaksanakan pelbagai program endowmen secara lebih agresif melalui endowmen staf, endowmen alumni, endowmen swasta dan institusi, endowmen penyelidikan dan inovasi dan endowmen khas berkonsepkan wakaf. Saya memetik sepotong ayat al-Quran dari surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud: "***Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya***". Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh warga agar memberi sepenuh sokongan kepada usaha murni ini dan mensasarkan supaya setiap program endowmen ini dapat menjana sekurang-kurangnya RM100 ribu menjelang penghujung tahun 2015.

Hadirin sekalian,

60. Pada Mei 2015 UMT telah melancarkan **Kempen Dana Sejuta Kasih** untuk mengumpul sebanyak RM1 juta bagi mengisi Tabung Wakaf Pendidikan UMT. Dana ini akan digunakan untuk membantu mahasiswa UMT yang memerlukan sokongan kewangan bagi meneruskan pengajian mereka. Bagi meneruskan usaha ini, saya menyeru kepada semua warga UMT untuk menghulurkan sumbangan tetap secara bulanan sekurang-kurangnya RM1 bagi Kumpulan Sokongan dan RM5-RM10 bagi Kumpulan P&P. Saya juga mengharapkan Pusat Pembangunan Alumni mengambil tindakan lebih efektif untuk melaksanakan program ini secara berterusan kepada lebih 20 ribu alumni UMT.

61. Saya juga yakin bahawa pendapatan UMT juga dapat dijana melalui **perkhidmatan perundingan dan perniagaan melalui UMT Jaya Holdings** (UMTJ) serta sewaan aset-aset universiti. Aktiviti perniagaan akan dipergiat dan dipelbagaikan manakala projek-projek perundingan yang sesuai akan dikenalpasti. Selain itu, UMT mempunyai pelbagai aset dan fasiliti yang berpotensi untuk menjana pendapatan seperti kompleks sukan, asrama, makmal dan peralatan penyelidikan yang boleh disewakan kepada pihak luar.

62. Selain itu, UMT akan mengambil langkah **penjimatan sumber** dalam operasi harian seperti usaha mengurangkan caj bil-bil utiliti. Saya menyeru kepada seluruh warga UMT dengan dipantau oleh Pejabat Pembangunan dan Harta (PPH) untuk sama-sama mengambil cakna dengan langkah penjimatan ini. Beberapa inisiatif boleh dilaksanakan segera bagi menggalakkan penjimatan caj utiliti seperti memasang sensor lampu dan penyaman udara dan menggiatkan penggunaan sumber alternatif. Selain itu, saya menyarankan supaya pengauditan dilakukan ke atas penggunaan utiliti oleh setiap PTj dan UMT akan menyediakan insentif kepada PTj yang berjaya mengurangkan bil utiliti masing-masing.

Saudara-saudari yang dihormati,

63. UMT telah diberikan status autonomi pada tahun 2014 dan membolehkannya menjana pendapatan dan merancang perbelanjaan sendiri untuk melaksanakan pelbagai program. Sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan penjanaan pendapatan, UMT akan mengkaji kaedah untuk memberikan **autonomi kewangan kepada setiap pusat pengajian dan institut penyelidikan**. Setiap pusat pengajian dan institut penyelidikan akan diberikan kebebasan untuk menguruskan kewangan sendiri bagi menggalakkan aktiviti penjanaan pendapatan. UMT akan memberikan sejumlah peruntukan mengurus kepada mereka pada setiap tahun dan sebarang perbelanjaan yang melebihi peruntukan tersebut perlu menggunakan dana yang dijana sendiri tanpa memerlukan kelulusan pengurusan universiti.

PEMBANGUNAN PELAJAR

Hadirin yang dihormati,

64. Pada tahun 2014, kita telah sama-sama memulakan agenda **transformasi pelajar** ke arah membentuk pelajar berminda kelas pertama dan berketerampilan holistik. Agenda ini terkandung dalam lonjakan pertama PPPM (PT) 2015-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada awal tahun ini. UMT telah berjaya membina sebuah kerangka transformasi pelajar yang memberikan penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat, pemerkasaan kepimpinan pelajar dan memupuk alumni unggul. Pada tahun ini, saya menaruh harapan yang tinggi agar pelan transformasi pelajar yang diterajui oleh TNC (HEPA) dapat dilancar dan dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

65. Peratus **kebolehpasaran graduan** merupakan salah satu aspek yang menggambarkan keberkesanan program pembangunan pelajar serta mencerminkan kualiti program pengajian di sesebuah universiti. UMT masih belum berpuas hati dengan purata 60% peratus kebolehpasaran graduan pada masa ini yang berada pada tahap kurang memberangsangkan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua Dekan agar berganding bahu bersama Pusat Keusahawanan, dan Kerjaya (CEC) serta memberi tumpuan serius untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan UMT.

Salah satu langkah adalah dengan mengadakan lebih banyak program kerjasama dan kolaborasi dengan industri dengan matlamat untuk memberi pendedahan dan impak awal kebolehan para pelajar kita kepada pihak industri. Justeru, saya ingin menetapkan supaya **kebolehpasaran graduan menjadi salah satu KPI bagi Dekan setiap pusat pengajian.**

66. Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan sistem CGPA bersepadu yang dikenali sebagai iCGPA untuk menaksir pencapaian pelajar yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Sebagai salah sebuah universiti perintis, saya menyeru kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan PPAL agar dapat memberi perhatian kepada **pembangunan kemahiran insaniah** para pelajar di UMT dengan menggilap kemahiran berkomunikasi, penampilan dan keyakinan diri, kerja berpasukan, kebolehan mengawal emosi dan lain-lain. Penerapan kemahiran insaniah ini dapat dilaksanakan melalui **program berbentuk kepimpinan dan kesukarelawanan**, aktiviti badan beruniform, sukan dan kebudayaan serta kelab dan persatuan.

Hadirin sekalian,

67. **Kemahiran keusahawanan** turut menjadi nilai penting yang perlu diterapkan kepada seseorang pelajar agar mereka lebih berdikari dan mampu meneroka peluang-peluang baharu sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan. Bagi menggilap kemahiran keusahawanan pelajar, UMT akan lebih giat melaksanakan pelbagai program keusahawanan seperti menyediakan lebih banyak kiosk pelajar, mewujudkan pasar pelajar di samping menyediakan modal secara pinjaman kepada pelajar yang ingin memulakan perniagaan. Bagi membantu inisiatif ini, saya mencadangkan supaya Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) menubuhkan satu unit yang berperanan sebagai pusat sehenti atau **One Stop Center** khusus untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pusat sehenti ini berperanan untuk memberi khidmat nasihat dan memantau aktiviti keusahawanan pelajar agar lebih terarah.

68. Aktiviti kokurikulum seperti sukan dapat meningkatkan sahsiah diri seseorang pelajar. UMT saban tahun sentiasa menyertai pelbagai acara sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, sudah sampai masanya kita menetapkan **sukan tujahan berasaskan air** yang boleh menjadi fokus utama UMT seperti sukan perahu layar, kenu atau renang. Acara sukan sebegini dapat menonjolkan keunikan dan kelainan kita yang amat bersesuaian dengan status universiti di pinggir air berfokuskan ilmu kelautan dan sumber akuatik. Oleh itu saya menyeru terutama kepada Pusat Sukan dan Rekreasi supaya sukan fokus atau sukan tujahan kita ini dapat diberi perhatian dengan mengenal pasti dan mengasah bakat yang ada dalam kalangan para pelajar.

69. **Aktiviti Survival Laut dan Penghayatan Warisan** kepada pelajar baharu yang menjadi salah satu citra unik UMT akan dilaksanakan semula sama ada di Pulau Bidong atau di perairan pantai sekitar UMT yang tentunya akan lebih menjimatkan. Aktiviti ini merupakan nilai tambah kepada para pelajar untuk membentuk jati diri dan membina daya tahan. Selain menjadikan persekitaran marin sebagai lokasi survival laut, kita boleh mengkaji kesesuaian untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai lokasi alternatif untuk menjalankan aktiviti seperti ini memandangkan persekitarannya juga kaya dengan warisan alam semulajadi. Baru-baru ini, kita juga telah mendapat laporan berkenaan kejayaan penyelidikan di dalam penemuan baru di Tasik Kenyir. Syabas dan Tahniah diucapkan.

Saudara-saudari yang dihormati,

70. **Budaya rekacipta dan inovasi** perlu dijadikan sebahagian daripada program pembangunan pelajar di UMT. Pada 16-17 Ogos 2015 baru-baru ini, seramai 33 orang pelajar UMT telah menyertai *Novel Research and Innovation Competition 2015* (NRIC) di USM. Para pelajar ini telah membanggakan UMT apabila berjaya memenangi 13 pingat daripada 14 projek yang dipertandingkan iaitu 2 emas, 4 perak dan 7 gangsa. Tahniah diucapkan kepada mereka yang telah mengharumkan nama UMT. Sebagai sebuah universiti berfokuskan ilmu kelautan dan sumber akuatik, UMT perlu terus menggalakkan budaya ini dengan menganjurkan pertandingan rekacipta berkaitan bidang tujahan UMT yang boleh dijadikan salah satu aktiviti dalam program utama universiti seperti sambutan Hari Inovasi @ UMT atau *World Oceans Week*. Kemahiran dalam inovasi seperti ini akan memberi nilai tambah kepada para pelajar dan mampu menarik perhatian agensi dan industri untuk memilih graduan UMT mengisi pasaran kerja pada masa hadapan.

CITRA

Sidang hadirin sekalian,

71. Fokus utama saya sebaik dilantik sebagai Naib Canselor adalah untuk menjulang nama dan citra UMT ke satu tahap yang lebih cemerlang dan menjadi institusi rujukan dalam bidang tujahan ilmu kelautan dan akuatik di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Sebagai sebuah universiti baharu dan berfokus, ramai tidak mengenali UMT sebagai **pelopor pengajian bidang ilmu kelautan di Malaysia** mahupun mengetahui kepentingan dan peranan bidang ilmu ini untuk kesejahteraan hidup masyarakat dan penjana sumber ekonomi negara.

72. Sebenarnya kita mempunyai banyak peluang untuk membina dan mengangkat citra tempatan dan kebangsaan dengan semua keunikan yang kita miliki, bidang pengajian, pencapaian pelajar, keserjanaan akademik, ikon penyelidikan tersohor dan sebagainya. Kita perlu merangka strategi untuk menonjol dan menghebahkan keupayaan, kejayaan, ikon dan aset strategik RV Discovery secara lebih berinovasi dan efektif. Usaha perlu dimulakan untuk menggiatkan promosi UMT kepada masyarakat tempatan, khususnya ke sekolah-sekolah di negeri Terengganu dan menonjolkan kewujudan kita di sini. Kita perlu serius membangunkan citra ilmu kelautan dan sumber akuatik secara terancang melalui projek-projek yang telah dikenalpasti dalam Teras Pemantapan Citra – Pelan Strategik UMT 2013-2017. Sudah tiba masanya kita mempunyai **Blueprint Pembangunan Citra** sebagai perancangan dan pelaksanaan untuk jangka panjang.

73. Setiap tahun, pengurusan UMT menyediakan peruntukan kewangan khusus untuk pembangunan citra UMT. Peruntukan ini perlu digunakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan citra berimpak tinggi di peringkat tempatan dan kebangsaan dan peruntukan tahun 2016 adalah berdasarkan kepada rancangan pelaksanaan projek Teras Pemantapan Citra dan Blueprint Pembangunan Citra UMT.

PENUTUP

Hadiin yang dihormati,

74. Syarahan saya pada hari ini merupakan aspirasi untuk memperkukuhkan kerjasama berpasukan pada semua peringkat pengurusan universiti dan usaha

mengembalikan suasana kerja yang harmoni dalam memacu universiti ke arah kecemerlangan, relevan kepada pembangunan negara dan megah bersaing di peringkat serantau dan global. Segala perancangan yang telah diatur tidak akan terlaksana dengan sempurna tanpa kerjasama dan kolaborasi serta sokongan kewangan yang kukuh. Oleh kerana itu, saya juga akan memberi penekanan kepada memperkasa penjana pendapatan dan endowmen untuk mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan.

75. Kita perlu segera mencari pendekatan baharu dalam penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan keberkesanan dalam menjayakan urusan teras universiti. Pelaksanaan secara bersama merentasi pusat tanggungjawab akan memberi kelainan dan menjadikan kita universiti yang unik dan dinamik. Semua perancangan tidak akan terlaksana tanpa sokongan padu semua pihak. Kita semua perlu mendokong aspirasi ini bersama melalui penghayatan nilai-nilai teras UMT: ghairah kepada kebenaran; mengejar kecemerlangan; memperkasa kepimpinan akademik; menghormati kepelbagaian keserakanan; dan menyemai kecintaan alam, perlu terjelma dalam semua tindak tanduk dan aktiviti kita.

76. Bagi memastikan semua perancangan dilaksanakan, kita akan menetapkan KPI khusus untuk dicapai dan hasrat ini sejajar dengan agenda kementerian yang akan mengukur produktiviti setiap universiti berdasarkan output dan *outcome* tertentu. KPI semua ketua PTj akan diwujudkan berdasarkan inisiatif yang telah dinyatakan dalam syarahan ini. Saya menyeru kepada semua warga UMT supaya kita sama-sama mungutuhkan kerjasama dan kolaborasi demi mengunggulkan UMT ke puncak kejayaan.

Saudara-saudari sekalian,

77. Walau sehebat dan setinggi mana perancangan dan aspirasi kita, walau seghairah mana kita memacu transformasi, semua ini hanya akan membuahkan hasil sekiranya kita berjaya melakukan hijrah minda ke arah fikiran yang lebih terbuka, kreatif dan inovatif, kesediaan minda untuk menerima dan menghayati pembaharuan, menerima cabaran dan kritikan secara positif. Saya yakin, hijrah minda ini mampu mengukuhkan semangat kebersamaan, kerjasama dan kolaborasi dalam kalangan seluruh warga UMT untuk kita sama-sama berpadu mendokong tonggak citra warisan memacu UMT menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global.

Warga UMT yang dikasihi,

78. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah mempermudah dan memberkati usaha kita ini. Saya akhiri syarahan ini dengan pantun berikut;

Buah salak di dalam kantung,
Kulitnya keras, isinya kelat;
Bulat air kerana pembedung,
Bulat tekad kerana muafakat.

Meredah samudera memukat kerisi,
Menjala puyu di pinggir kali;
Keutuhan kerjasama dan kolaborasi,
Pemangkin kecemerlangan inovasi.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh